

Headline	<b>PM umum nama universiti Status Apex</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>24. Aug 2008</b>	Page No	<b>24</b>
Media Title	<b>Berita Minggu</b>	Article Size	<b>255 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>342946</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2476000</b>	AdValue	<b>4522.29</b>



# PM umum nama universiti status Apex

## Empat institusi disenarai pendek

**L**ANGKAWI: Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengumumkan nama universiti yang memperoleh status Universiti Apex, pada bila-bila masa, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau berkata, Kementerian Pengajian Tinggi sudah menyenaraikan pendek empat universiti penyelidikan negara bagi mendapat pengiktirafan itu seperti dicadangkan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

"Universiti Apex akan menjadi penanda aras peringkat dunia dalam bidang pengajian tinggi dan langkah memperkenalkan status itu di negara ini dibuat Perdana Menteri sendiri ketika melancarkan PSPTN Ogos tahun lalu.

"Dalam pelan itu, ia membahagikan universiti kepada tiga kumpulan iaitu Universiti Apex, Universiti Elit dan Universiti Kompetitif," katanya selepas merasmikan Seminar Pengurusan Akademik Institusi Pengajian Tinggi di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi dan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Prof Dzulkifli Abdul Razak.

Mohamed Khaled berkata, keputusan ranking universiti itu kini dinantikan seluruh rakyat Malaysia dan tumpuan menuju-

rus kepada Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan USM.

"Sembilan universiti termasuk tujuh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan dua swasta, memohon untuk dipilih serta diiktiraf sebagai Universiti Apex tetapi kita hanya memilih empat untuk disenarai pendek," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Mohamed Khaled berkata, institusi pengajian tinggi di negara ini digalak bersaing sesama sendiri untuk menampilkannya yang terbaik selain memastikan graduan dilahirkan benar-benar berkelayakan.

"Justeru, selain universiti awam, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) juga semakin berkembang pesat di negara ini inde ngan menawarkan pelbagai kursus bagi memenuhi keperluan pendidikan dan kerjaya," katanya.

Pada majlis sama, Mohamed Khaled turut melancarkan buku 'Transformasi Pengurusan Latihan Sektor Awam Pendekatan Universiti Sains Malaysia' karya Musa Ali yang juga pensyarah di Unit Latihan USM.



RASMI: Mohamed Khaled melancarkan buku 'Transformasi Pengurusan Latihan Sektor Awam Pendekatan Universiti Sains Malaysia' sambil diperhatikan Dzulkifli (tengah) selepas merasmikan Seminar Pengurusan Akademik Institusi Pengajian Tinggi di Langkawi, semalam.

HAMZAH OSMAN | BERITA MINGGU